

Lawatan Muhyiddin Ke UK Buka Ruang Peningkat Persefahaman Dan Kerjasama Bernama
13 Sept, 2013
Daripada Abdul Aziz Harun

LONDON, 13 Sept (Bernama) -- Lawatan kerja lima hari Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ke United Kingdom (UK) yang berakhir pada Khamis bukan sahaja memperkukuhkan lagi hubungan dua hala malah menjadi ramuan penting dalam meningkatkan persefahaman dan kerjasama antara negara.

Lawatan itu yang menyusul kira-kira dua bulan selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib ke sini, turut membuka laluan lebih luas kepada Malaysia untuk mengembangkan lagi hubungan dengan negara-negara lain di rantau itu.

Dapat dikatakan setiap majlis yang dihadiri Muhyiddin sepanjang lawatan merangkumi segala matlamat lawatan; bermula dengan perjumpaan dengan ketua-ketua industri di UK, pertemuan dengan rakan sejawatannya di UK Nick Clegg, lawatan ke kolej vokasional, sehinggalah kepada sesi-sesi dialog.

Pertemuan dengan Clegg Selasa lepas menyerlahkan hubungan akrab dan mesra antara dua pemimpin yang menjadi ramuan penting dalam memupuk dan meningkatkan persefahaman antara negara.

Muhyiddin berkata memiliki hubungan rapat dan istimewa dengan UK memang ada kebaikannya kerana ia boleh membuka laluan lebih luas kepada Malaysia untuk mengembangkan lagi hubungan dengan negara-negara lain di rantau sini.

"UK bukan sahaja sebuah negara maju tapi ia juga mempunyai pengaruh yang lebih jelas dalam hubungan dengan lain-lain negara di rantau sini, jadi memang ada faedahnya kalau kita ada hubungan baik ini (dengan UK)," katanya kepada wartawan Malaysia di hari terakhir lawatan kerja beliau ke UK di sini, Khamis.

Timbalan Perdana Menteri berkata dengan adanya persefahaman yang jelas, Malaysia akan lebih mudah untuk menyuarakan pandangannya dalam apa jua isu kepada UK, tanpa sebarang rasa kekok atau canggung.

"...setidak-tidaknya kita ada sahabat dalam hubungan kita di peringkat antarabangsa yang faham dengan pendirian Malaysia dalam pelbagai aspek dan mereka juga tahu apa rancangan masa depan kita dan corak pemikiran kita. Hal-hal begini saya kira boleh menolong," katanya.

Di sudut hubungan perdagangan dua hala pula, beliau berkata pertemuan beliau dengan peneraju-peneraju industri di UK memberikan beliau peluang menerangkan dengan lebih jelas hasrat Malaysia mahukan hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara ditingkatkan.

Katanya respons diterima dalam pertemuan itu amat menggalakkan apabila ada antara peserta menyuarakan minat untuk melebarkan sayap perniagaan dan mengembangkan lagi saiz pelaburan di Malaysia.

Wakil University of Reading yang hadir pada pertemuan itu, katanya turut memuji langkah Malaysia melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilihat bakal

melahirkan lebih ramai pelajar yang mantap untuk mengisi menara-menara gading.

Merujuk kepada lawatan ke Westminster Kingsway College, Muhyiddin berkata beliau telah mengarahkan Ketua Pengarah Pendidikan mengambil langkah susulan untuk mengkaji bagaimana bidang vokasional dimajukan di UK untuk dijadikan perbandingan.

Beliau berkata selain bertukar-tukar pandangan dan berbincang mengenai pengalaman masing-masing, pihak Malaysia juga akan melihat peluang menjalin kerjasama yang akan membolehkan UK menyumbang bantuan teknikal kepada sektor pendidikan negara.

Pada awal lawatan kerja itu lagi Timbalan Perdana Menteri sudah menyuarakan hasrat Malaysia mendapatkan bantuan dan kerjasama UK untuk menghantar guru-guru bahasa bagi membantu meningkatkan tahap penguasaan dan kemahiran guru Bahasa Inggeris di Malaysia.

Perkara sama turut dibangkitkan beliau dalam sesi taklimat pada lawatan ke kolej itu, selain berkongsi pandangan dengan pengetua kolej Andy Wilson mengenai usaha memupuk bidang vokasional dalam sistem pendidikan.

Setiap sesi dialog dan forum pula menyaksikan Muhyiddin diujungi pelbagai soalan mengenai perkembangan politik dan ekonomi di Malaysia, PPPM, pendirian negara mengenai konflik di Timur Tengah, dan juga soal patriotisme.

Setiap isu diperjelaskan beliau dengan panjang lebar satu persatu, di samping menangani sebarang kemusykilan, mahupun teguran yang dibangkitkan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, perkara yang amat beliau kagumi dalam setiap sesi perjumpaan, terutama dengan komuniti rakyat Malaysia di sini ialah semangat dan rasa cinta mereka terhadap tanah air yang begitu menyerlah.

Beliau berkata rata-rata mereka nampak berbangga menjadi rakyat Malaysia kerana mereka tahu dan faham dengan kejayaan negara dan juga pandangan negara lain terhadap negara.

Menurutnya bagi mereka kebanggaan negara bukan hanya diukur daripada aspek ekonomi atau pendidikan semata-mata, tapi juga dari segi kejayaan untuk muncul sebagai sebuah negara yang harmoni walaupun dihuni rakyat berbilang kaum.

Muhyiddin berkata perjumpaan sebegini cukup baik dalam memberi peluang kepada rakyat Malaysia, mahupun masyarakat tempatan di London, untuk mendengar penjelasan terus daripada pemimpin mengenai perkembangan di Malaysia, dan mereka jelas nampak teruja dengan kehadirannya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977450>